



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,  
JABATAN PERDANA MENTERI

# LAPORAN TAHUNAN 2015

## **KANDUNGAN**

- 02 Perutusan Menteri**
- 04 Perutusan Ketua Pengarah**
- 06 Senarai Agensi**
- 07 Pengurusan Tertinggi Bersama  
YB. Menteri**
- 08 Pengurusan Tertinggi BHEUU**
- 09 Sejarah**
- 11 Visi, Misi, Objektif**
- 12 Carta Organisasi**
- 13 Seksyen Pembangunan**
- 24 Seksyen Dasar**
- 55 Seksyen Pengurusan Maklumat**
- 64 Seksyen Kewangan**
- 65 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia**
- 84 Unit Komunikasi Korporat**
- 87 Kelab Sukan & Kebajikan (KSK)**
- 94 PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU**

**PERUTUSAN MENTERI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**



**YB. HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Tahun 2015 merupakan tahun yang amat mencabar buat semua rakyat Malaysia berikutan harga minyak di pasaran dunia yang merudum. Namun kita harus bersyukur bahawa kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat tetap menjadi keutamaan. Saya amat bangga dengan kerjasama dan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua pihak; terutamanya warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl dalam mencapai kejayaan demi kejayaan melalui aktiviti yang dilaksanakan.


Justeru, saya merakamkan penghargaan di atas komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh warga BHEUU, JBG dan Mdi dalam menjayakan pelbagai program yang dapat diabadikan dalam Buku Laporan Tahunan ini. Moga-moga segala usaha dan komitmen kita selama menjalankan tugas yang diamanahkan mendapat keredaaan Allah S.W.T. Kita juga perlu meneruskan usaha mengamalkan nilai integrity agar sentiasa dapat mengharungi segala cabaran dengan jayanya.

Usaha-usaha bekerja dalam satu pasukan antara BHEUU, JBG dan Mdl wajar diteruskan agar mendapat penghasilan yang optimum dan manfaatnya dapat dirasakan oleh rakyat jelata. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif bersesuaian dengan tuntutan perubahan persekitaran kerja yang berlaku perlu diamalkan oleh semua warga kerja.

Semoga penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2015 ini dapat memberi gambaran jelas tentang BHEUU, JBG dan Mdl secara keseluruhannya. Semua warga BHEUU, JBG dan Mdl sama-sama berusaha mencapai kecemerlangan selari dengan hasrat Kerajaan bagi memenuhi kehendak semasa.

Selamat Maju Jaya, semoga kita dapat meneruskan usaha-usaha baik untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.



**YB. HAJAH NANCY SHUKRI**



**PERUTUSAN KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
JABATAN PERDANA MENTERI**



**YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA PENGARAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T., berkat kerjasama semua warga BHEUU, JBG dan Mdl telah berhasil menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2015. Edisi kali ini membawa kesinambungan aktiviti warga BHEUU, JBG dan juga Mdl bagi Tahun 2015.

Saya ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada sidang pengarang yang terlibat secara langsung dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU. Saya percaya dengan adanya buku ini, pembaca akan lebih memahami segala tugas dan tanggungjawab, serta fungsi dan peranan BHEUU, JBG dan Mdl.

Warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl memainkan peranan penting dalam menjayakan agenda dasar Kerajaan. Justeru itu, peranan, tugas dan tanggungjawab kita selaku anggota penjawat awam perlu seiring dengan tuntutan semasa yang sentiasa berbeza dan berubah. Ini adalah penting bagi memelihara kepentingan negara demi kesejahteraan rakyat sekaligus meningkatkan imej sektor awam.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga kerja BHEUU, JBG dan Mdl dapat melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti sejajar dengan tradisi terbaik perkhidmatan awam.

Semoga kita sentiasa produktif dan inovatif dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan demi rakyat dan negara.

Sekian, terima kasih.



**DATUK MOHD ZUKI BIN ALI**

**SENARAI AGENSI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN

LEMBAGA PENASIHAT, JABATAN PERDANA MENTERI

BAHAGAIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG **(BHEUU)**

JABATAN BANTUAN GUAMAN **(JBG)**

SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT **(SPAD)**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN **(SPKP)**

JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA **(MDI)**

BAHAGIAN PERLINDUNGAN, JABATAN PERDANA MENTERI

INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDINGAN **(ILKAP)**

PUSAT TIMBANG TARA SERANTAU KUALA LUMPUR **(KLRC)**

AMANAH RAYA BERHAD **(ARB)**

YAYASAN BANTUAN GUAMAN KEBANGSAAN **(YBGK)**

SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN **(SPK)**

JABATAN PEGUAM NEGARA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN **(LPKP) SARAWAK**

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN **(LPKP) SABAH**

# Pengurusan Tertinggi BHEUU Bersama YB. Menteri



**YANG BERTHORMAT HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**



**YBHG. DATO' NURSIAH BINTI ARSHAD  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
(MULAI 6.9.2014 - 6.6.2016)**



**YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA PENGARAH  
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG  
(MULAI 17.8.2015)**



**YBRS. PUAN HASLINA BINTI MANSOR  
KETUA PENGARAH  
JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA**



**YBRS. SITI ZAWAHR BINTI MOHAMED  
KETUA PENGARAH  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
(MULAI 16.9.2009 - 16.11.2015)**



**YBHG. DATUK HAINI BINTI HASSAN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN BANTUAN GUAMAN  
(MULAI 16.11.2015)**



# Pengurusan Tertinggi BHEUU



YBHG. DATIN NOOR HALIZA BINTI MOHD NOOR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(DASAR DAN PEMBANGUNAN)  
(MULAI 5.9.2014 - 24.4.2015)



YBHG. DATU' MURSIAH BINTI ARSHAD  
KETUA PENGARAH BHEUU  
(MULAI 8.9.2014 - 6.9.2015)



YBHG. DATUK MOHD ZUKI BIN ALI  
KETUA PENGARAH BHEUU  
(MULAI 17.8.2015)



YBRS. DR. NGR. NAZNY BINTI ABDUL MAJID  
TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(DASAR DAN PEMBANGUNAN)  
(MULAI 27.4.2015)



ENCIK ABD MASIR BIN AHMAD  
PENGARAH SEKSYEN PEMBANGUNAN



ENCIK M. KAMRULDIN BIN HETAM  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)



PUAN LAILA KHALIDAH BINTI ISMAIL  
PENGARAH SEKSYEN DASAR  
(MULAI 18.8.2015)



ENCIK AZHAM BIN BACHOK  
PENGARAH SEKSYEN KEWANGAN  
(MULAI 18.2.2015)



ENCIK AMR HUDAH BIN AWANG RAZUL  
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSA  
(MULAI 16.2.2015 - 31.2015)



PUAN SALMAH BINTI ISMAIL  
PENGARAH SEKSYEN PENGURUSAN BAKULMAT



ENCIK KAFIJI BIN ABDULLAH  
PENGARAH SEKSYEN SUMBER MANUSA  
(MULAI 1.9.2015)



PUAN SHAMSIAH BINTI DAUD  
KETUA UNIT HEMUNGAN KORPORAT

## **SEJARAH**

### **BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

PKPMP juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (Mdi).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.

Pada masa ini, tanggungjawab BHEUU ke atas JBG dan Mdl merangkumi urusan pengagihan dan pemantauan peruntukan kewangan, pengisian perjawatan, pengurusan perkhidmatan Skim Penolong Pegawai Undang-undang (L29, L32 dan L38), sewaan dan penyelenggaraan ruang pejabat, perolehan bekalan dan perkhidmatan, penyediaan infrastruktur ICT dan pembangunan sistem aplikasi.

## **FUNGSI BHEUU**

- Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
- Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
- Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah;
- Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
- Pemantauan Mesyuarat Lembaga Pengampunan di setiap Negeri;
- Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas; dan
- Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua Cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

## **VISI**

- Penyumbang terulung kepada kecekapan pentadbiran keadilan Negara

## **MISI**

- Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan pembaharuan undang-undang.

## **OBJEKTIF**

- Memastikan pembangunan prasarana mahkamah dan agensi mengikut keperluan stakeholder dan pelanggan;
- Memastikan urusan pemerbadanan yayasan, pengampunan dan pembaharuan undang-undang dilaksanakan secara efektif; dan
- Memastikan penyediaan perkhidmatan sokongan kepada agensi-agensi secara cepat, tepat dan berintegriti.

## **PIAGAM PELANGGAN**

### **Kami bertekad & berjanji:**

- Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
- Mengeluarkan surat pemberitahuan kelulusan awal pemerbadanan yayasan dalam tempoh 21hari daripada tarikh menerima permohonan lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258;
- Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
- Mengeluarkan surat setuju terima /surat niat perolehan dalam tempoh 2 hari bekerja daripada tarikh keputusan Lembaga Perolehan/Jawatankuasa Sebut Harga; dan
- Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer dengan kebolehcapaian tidak kurang 99%.

Tarikh kemaskini 10 Februari 2014

## **SEKSYEN PEMBANGUNAN**

### **1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH**

BHEUU merupakan agensi yang dipertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek-projek infrastruktur Institusi Kehakiman Negara. Pembangunan fizikal mahkamah sentiasa menitikberatkan penjimatan kos penyelenggaraan bangunan dan memberi keutamaan dari aspek keselamatan bangunan mahkamah.

Berikut adalah senarai projek mahkamah yang dilaksanakan oleh Seksyen Pembangunan BHEUU bagi tahun 2015:

#### **1.1 Projek Mahkamah yang telah siap dibina**

##### **1.1.1 Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA)**

Projek ini melibatkan pengubahsuaian lima tingkat di Bangunan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur dengan keluasan 189 ekar yang bermula pada 19 November 2009.

KLRCA telah siap dibina pada 18 Ogos 2014 dan diserahkan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 25 Oktober 2015 selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defects Liability Period*).

Skop projek mengandungi 25 bilik bicara, 16 bilik perundingan dan bilik-bilik sokongan.







Pemuliharaan dan pengubahsuaian Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara Kuala Lumpur untuk dijadikan Pejabat Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA).

### 1.1.2. Bangunan Tambahan Mahkamah Klang, Selangor

Projek ini mula dilaksanakan pada 3 Julai 2013 melibatkan keluasan 3.64 ekar di Daerah Klang, Selangor.



Bangunan mahkamah telah siap dibina pada 30 April 2014 dan diserahkan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 30 April 2015 selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defects Liability Period*). Skop projek mengandungi 8 bilik bicara iaitu 2 Mahkamah Tinggi, 3 Mahkamah Sesyen dan 3 Mahkamah Majistret serta bilik-bilik sokongan.

## 1.2. PROJEK MAHKAMAH DALAM PEMBINAAN

### 1.2.1. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu ini didirikan di atas tanah milik Kerajaan Negeri Sabah, seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman off Jalan Kolam di Kota Kinabalu, Sabah. Projek yang bermula pada 22 Julai 2014 ini mengambil masa selama 30 bulan dan dijangka siap pada 1 April 2017.

Skop projek mengandungi 16 bilik bicara iaitu 1 Mahkamah Persekutuan, 3 Mahkamah Tinggi, 6 Mahkamah Sesyen dan 6 Mahkamah Majistret.



Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.



Kerja-kerja pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah.

### **1.2.2. Mahkamah Baharu Besut, Terengganu**

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang sedang beroperasi di bangunan Majlis Daerah Besut.

Projek yang bermula pada 12 April 2015 ini mengambil masa selama 18 bulan dan dijangka siap pada 8 Oktober 2016.

Bangunan baharu ini akan menempatkan 2 bilik bicara iaitu 1 Mahkamah Sesyen dan 1 Mahkamah Majistret di atas tapak seluas 1.067 ekar di Mukim Pekan Raja, Daerah Besut.



Rekabentuk Mahkamah Baharu Besut, Terengganu.



Kerja-kerja pembinaan Mahkamah Baharu Besut, Terengganu.

### **1.3. PROJEK MAHKAMAH DALAM PERANCANGAN**

#### **1.3.1. Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis**

Pembangunan Mahkamah Baharu di Kangar, Perlis adalah bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang tidak lagi dapat menampung keperluan semasa. Tapak cadangan projek merupakan bekas tanah sawah seluas 9 ekar yang terletak di Mukim Seriab, Kangar.

Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis ini melibatkan pembinaan bangunan baharu setinggi 2 tingkat untuk menempatkan:

- (i) Satu (1) Mahkamah Tinggi;
- (ii) Dua (2) Mahkamah Sesyen; dan
- (iii) Dua (2) Mahkamah Majistret.



Cadangan Rekabentuk Mahkamah Baharu Kangar, Perlis.

### **1.3.2. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan**

Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu ini akan dibina di atas tanah seluas 6.73 ekar di Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu bagi menggantikan mahkamah yang sedia ada.

Bangunan ini akan menempatkan 13 bilik bicara iaitu :

- (i) Tiga (3) Mahkamah Tinggi;
- (ii) Lima (5) Mahkamah Sesyen; dan
- (iii) Lima (5) Mahkamah Majistret.





Cadangan Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan.

### 1.3.3. Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Pada masa ini, Mahkamah Ampang beroperasi dengan menyewa di bangunan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Bangunan baharu akan dibina di Bandar Ampang, Hulu Langat dengan keluasan tanah 2.558 ekar.

Skop projek ini akan melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu yang mengandungi 11 bilik bicara iaitu :

- (i) Lima (5) Mahkamah Sesyen; dan
- (ii) Enam (6) Mahkamah Majistret



Cadangan Mahkamah Baharu Ampang, Selangor.



#### 1.3.4. Mahkamah Baharu Tapah, Perak

Mahkamah Majistret Tapah pada masa ini beroperasi di Daerah Batang Padang berdekatan dengan pejabat-pejabat Kerajaan yang lain di tengah-tengah Pekan Tapah. Ruang yang disediakan adalah terhad dan tidak memenuhi dan menepati piawaian sesebuah mahkamah. Sebelum bangunan ini dijadikan Mahkamah Majistret Tapah, bangunan ini adalah merupakan sebuah hospital. Bangunan Mahkamah ini telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai Bangunan Warisan kepada Jabatan Muzium Negara. Oleh itu, sebarang pengubahsuaian terhadap bangunan ini tidak dibenarkan sekiranya ia mengubah struktur asal bangunan ini.

Pembinaan Bangunan Mahkamah baharu setingkat yang mempunyai 2 bilik bicara iaitu:

- (i) Satu (1) Mahkamah Sesyen; dan
- (ii) Satu (1) Mahkamah Majistret



Cadangan Mahkamah Baharu Tapah, Perak.

## 2. LAWATAN KERJA DAN TURUN PADANG KE MAHKAMAH

Pengurusan Tertinggi BHEUU juga mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja secara konsisten ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek. Butiran lawatan adalah seperti berikut:

<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
22 Januari 2015	Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah
27 Februari 2015	Lawatan ke Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang
24 Mac 2015	Lawatan ke tapak cadangan bagi Mahkamah Ipoh, Perak
21 April 2015	Lawatan ke tapak cadangan Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis
25 Mei 2015	Lawatan ke Mahkamah Majistret Slim River, Perak
02 Jun 2015	Lawatan ke Kompleks Mahkamah Johor Bahru, Johor
27 Julai 2015	Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Besut, Terengganu
28 Julai 2015	Lawatan ke Mahkamah Bachok, Kelantan
14 September 2015	Lawatan ke Projek Mahkamah Baharu Kemaman, Terengganu dan Mahkamah Temerloh, Pahang
17 September 2015	Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, sabah
28 Oktober 2015	Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Tapah, Perak
26 November 2015	Lawatan ke Mahkamah Majestret Pulau Pinang
10 Disember 2015	Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis



Lawatan ke Kompleks Mahkamah Baharu Kuantan, Pahang pada 27 Februari 2015.



Lawatan ke Tapak Mahkamah Ipoh, Perak pada 24 Mac 2015.



Lawatan ke Tapak Mahkamah Kangar, Perlis pada 21 April 2015.



Lawatan Ke Mahkamah Majistret Slim River, Perak pada 25 Mei 2015.



Lawatan ke Tapak Mahkamah Baharu Kangar, Perlis pada 10 Disember 2015.

### 3. Pelancaran Databank Mahkamah

Sistem Data Bank Mahkamah telah dilancarkan oleh mantan Ketua Pengarah BHEUU iaitu YBhg. Dato' Nursiah binti Arshad pada 4 Ogos 2015. Sistem ini dibangunkan bersama Seksyen Pembangunan dan Seksyen Pengurusan Maklumat.

Sistem ini bertujuan untuk mewujudkan pusat data berkaitan mahkamah. Antara maklumat-maklumat yang terkandung dalam sistem ini adalah berkaitan dengan latar belakang mahkamah, perincian bangunan, geran tanah serta gambar mahkamah.

Maklumat yang lengkap berhubung sesuatu mahkamah adalah sangat penting terutama dalam permohonan pembinaan mahkamah baharu atau pengubahsuaian dan juga memohon peruntukan.





Portal Databank Mahkamah.

## **SEKSYEN DASAR**

### **1. LEMBAGA PENGAMPUNAN**

#### **1.1. Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Bil. 1/2015**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Bil.1/2015 telah diadakan pada 26 Mei 2015 di Bilik Gerakan Negeri, Bangunan Perak Darul Ridzuan. Secara keseluruhannya, mesyuarat berkala dua kali setahun ini membincangkan isu-isu berkenaan pelaksanaan Lembaga Pengampunan Negeri.



YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU, JPM bergambar bersama ahli mesyuarat.

#### **1.2. Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Bil. 2/2015**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri Bil.2/2015 pula telah diadakan pada 6 Oktober 2015 di Bilik Mesyuarat Gerakan Negeri, Wisma Darul Aman. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, JPM yang baru. Delegasi mesyuarat turut mengikuti lawatan ke Penjara Pokok Sena, Alor Setar sejurus selepas mesyuarat berakhir.



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, bergambar bersama ahli mesyuarat.



YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU, menandatangani Buku Pelawat Penjara Pokok Sena.

## **2. PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN - NHRAP)**

Terdapat tiga kajian utama dalam proses pembangunan NHRAP, iaitu kajian undang-undang yang berkaitan dengan skop di bawah 5 teras NHRAP (Hak Sivil; Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan; Hak Golongan Rentan; Hak Orang Asal/Orang Asli; dan Kewajipan Antarabangsa).

### **2.1. Kajian Awalan NHRAP**

Kajian Awalan NHRAP telah dilaksanakan untuk mencadangkan konsep hak asasi manusia yang boleh diterima dan diguna pakai di Malaysia, menyenaraikan isu-isu hak asasi manusia, menyenaraikan undang-undang serta peraturan yang berkaitan hak asasi manusia serta mewujudkan senarai *stakeholder* yang bakal dilibatkan semasa proses pembangunan NHRAP atau setelah NHRAP dilaksanakan kelak.

Kajian tersebut telah dilaksanakan dengan melantik satu pasukan penyelidik yang terdiri daripada 41 orang ahli akademik dari universiti awam dan swasta. Kajian berkenaan telah dimulakan pada Jun 2014 dan berakhir pada Disember 2014. Hasil kajian awalan telah dibentangkan kepada wakil-wakil Kementerian/ agensi Kerajaan pada 21 Januari 2015 dan turut dijadikan sebagai salah satu rujukan dalam proses pembangunan NHRAP.

### **2.2. Kajian Dasar Pembangunan NHRAP**

Satu kajian dasar menyeluruh telah mula dilaksanakan untuk mendapatkan status sebenar hak asasi manusia di dalam negara. Objektif utama kajian dasar NHRAP adalah supaya satu laporan analisis mengenai kedudukan sebenar hak asasi manusia di Malaysia dan satu draf NHRAP Malaysia dihasilkan. Ia amat penting kerana hasil kajian dasar tersebut bakal menjadi asas kepada mewujudkan sebuah pelan tindakan hak asasi manusia yang komprehensif dan efektif dan realistik yang beracukan Malaysia. Kajian telah bermula pada November 2015 dan akan berlangsung selama 18 bulan hingga April 2017.

### **2.3. Seminar NHRAP 2015**

Seminar NHRAP telah diadakan pada 8 hingga 9 September di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 150 orang wakil daripada Kementerian/ Jabatan/ agensi Kerajaan. Seminar tersebut bertujuan untuk menyediakan platform kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk mendengar pandangan dari beberapa orang pakar yang mewakili negara di peringkat antarabangsa dalam aspek hak asasi manusia mengenai kepentingan mengadakan NHRAP, berkongsi pengetahuan mengenai jangkaan badan-badan antarabangsa terutamanya *UN OHCHR* terhadap usaha Malaysia mengadakan NHRAP serta berkongsi dan mempelajari pengalaman dari wakil Kerajaan negara

Thailand mengenai pengalaman negara itu yang telah melalui proses membangunkan NHRAP mereka sendiri.

Pakar-pakar dari dalam dan luar negara yang telah dijemput sebagai ahli panel semasa seminar tersebut termasuk YBhg. Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah, selaku wakil Malaysia dalam *ASEAN Intergovernmental Commission of Human Rights (AICHR)*, wakil dari *United Nations Office of the High Commissioner for Human Rights (UN OHCHR)* dan pegawai kanan dari *Ministry of Justice, Thailand*.



Ucapan Perasmian oleh YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Perjumpaan YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali (kiri), Ketua Pengarah BHEUU bersama ahli-ahli panel dari UN OHCHR (kiri kedua), *Ministry of Justice, Thailand* (kanan kedua & ketiga) serta YBhg. Dato' Hussin Nayan, Ketua Pengarah IDFR (kanan).





YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkenalan dengan *Ms. Nareeluc Pairchaiyapoom, Justice Officer, Ministry of Justice Thailand.*



Wakil Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan menghadiri Seminar NHRAP 2015.

### 3. JAWATANKUASA PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA (JPUUM)

#### 3.1. Geran Penyelidikan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) bagi Tahun 2015.

Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) menawarkan geran penyelidikan untuk terus menggalakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru dalam mempercepatkan pembaharuan undang-undang di Malaysia. Bagi geran penyelidikan tahun 2015, JPUUM telah menawarkan tiga (3) geran penyelidikan kepada penyelidik-penyelidik dari institusi pendidikan tinggi yang pakar dalam bidang undang-undang yang berkaitan dengan skop penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan berkaitan pembaharuan mana-mana isu undang-undang yang kritikal di Malaysia.

Pemilihan tajuk penyelidikan pada tahun ini turut difokuskan kepada pembaharuan undang-undang yang bersifat menyeluruh dan berimpak tinggi untuk memastikan agar hasil penyelidikan dapat memberi manfaat kepada semua pemegang taruh (*stakeholders*) dan masyarakat. Kaedah pemantauan pelaksanaan kajian juga telah ditambah baik untuk memastikan hasil penyelidikan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan objektif pemegang-pemegang polisi serta mempunyai *value for money*.

Jadual 1: Tajuk-tajuk penyelidikan yang telah ditawarkan melalui Geran Penyelidikan JPUUM Tahun 2015 :

Bil.	Tajuk Penyelidikan	Ketua Penyelidik	Kementerian/ Jabatan Yang Berkaitan
1.	<i>Reforming The Administration Of Estate In West Malaysia: Towards Establishing An Effective Estate Administration Model And One Stop Data Centre Of Wills, Assets And Liabilities</i>	Prof. Madya Dr. Akmal Hidayah binti Halim  (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri
2.	<i>Reviewing Adoption Act 1952 (Act 257) And Registration Of Adoptions Act 1952 (Act 253)</i>	Dr. Olivia Tan Swee Leng  (Multimedia University)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
3.	<i>A Legal Study On The Destitute Persons Act 1977 In Protecting The Homeless In The Streets</i>	Puan Nadzriah binti Ahmad  (Universiti Teknologi MARA)	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

### 3.2. Pembentangan Hasil Penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan JPUUM Tahun 2014

Sepanjang tahun 2015, sebanyak tujuh (7) hasil penyelidikan di bawah Geran Penyelidikan Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) Tahun 2014 telah dibentangkan di hadapan ahli-ahli JPUUM dan wakil-wakil kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan. Sesi pembentangan ini memberi ruang dan peluang kepada wakil-wakil kementerian/ jabatan/ agensi selaku pemegang polisi kepada isu-isu perundangan yang dikaji oleh kumpulan-kumpulan penyelidik untuk meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kumpulan penyelidik.

Sesi tersebut turut menggalakkan ahli-ahli JPUUM serta pihak-pihak pemegang polisi untuk menyumbang pandangan, pendapat dan memberi maklum balas yang membina terhadap hasil penyelidikan. Hasil penyelidikan-penyelidikan akan dipertimbangkan secara mendalam oleh pihak kementerian/ jabatan/ agensi tersebut bagi pelaksanaan cadangan-cadangan yang membantu pembaharuan undang-undang di bawah bidang kuasa mereka.

**Jadual 2:** Senarai hasil penyelidikan yang telah dibentangkan sepanjang tahun 2015:

Bil	Tajuk Penyelidikan	Tarikh Pembentangan	Pembentang	Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan
1.	<i>Married Women and Children (Enforcement of Maintenance) Act 1968: The Proposed Care Taker (Ministry), Enforcement Agency and Possible Application in Sabah and Sarawak</i>	26 Februari 2015	Prof. Madya Dr. Nuraisyah Chua Abdullah  (Universiti Teknologi MARA)	i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ii. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat
2.	Penyemakan Semula Akta 265: Akta Kerja 1955	26 Februari 2015	Dr. Nor 'Adha Abdul Hamid  (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor )	i. Kementerian Sumber Manusia ii. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
3.	Kajian Terhadap Undang-Undang Pengurusan dan Pentadbiran Harta	2 April 2015	Dr. Suhaimi Ab. Rahman  (Universiti	i. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Bil	Tajuk Penyelidikan	Tarikh Pembentangan	Pembentang	Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan
	Pusaka Islam (Faraid) di Malaysia		Putra Malaysia)	ii. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia iii. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
4.	Semakan Semula Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983	2 April 2015	Dr. Hj Resali Bin Muda  (Universiti Sains Islam Malaysia)	i. Kementerian Dalam Negeri ii. Agensi Antidadah Kebangsaan
5.	<i>A Study on the Land Provisions of the Orang Asli Communities in the Aboriginal Peoples Act 1954 from the Perspective of Justice Principles</i>	2 April 2015	Puan Izawati binti Wook  (Universiti Sains Islam Malaysia)	i. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ii. Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia iii. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
6.	<i>A Study on the Effectiveness of the Role of Board of Visiting Justices and Board of Visitors under the Prison Act 1995 and Child Act 2001</i>	28 Mei 2015	Puan Salmah binti Roslim  (Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah)	i. Kementerian Dalam Negeri ii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iii. Jabatan Kebajikan Masyarakat
7.	<i>A Critical Study on the Use of Live TV Link and Screen for Victims and Vulnerable Witnesses in the Malaysian Criminal Proceeding with Reference to the Evidence of Child Witnesses Act 2007</i>	28 Mei 2015	Dr. Abidah binti Abdul Ghafar  (Universiti Sains Islam Malaysia)	i. Peguam Negara ii. Polis Diraja Malaysia iii. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan iv. Kementerian Dalam Negeri v. Kementerian Pembangunan

Bil	Tajuk Penyelidikan	Tarikh Pembentangan	Pembentang	Kementerian/ Agensi Yang Berkaitan
				Wanita, Keluarga dan Masyarakat vi. Jabatan Kebajikan Masyarakat vii. Jabatan Penjara Malaysia

### 3.3. Pelaksanaan Program *Engagement* JPUUM Tahun 2015

JPUUM telah memutuskan untuk meningkatkan pelaksanaan program-program *engagement* JPUUM untuk menggalakkan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat dalam proses pembaharuan undang-undang di bawah JPUUM. Program yang diadakan melibatkan perbincangan tajuk atau isu undang-undang yang perlu diperbaharui dan seterusnya memberi peluang kepada para peserta untuk mengutarakan sebarang pandangan, cadangan atau maklum balas terhadap isu yang diperbincangkan.

Program berbentuk Forum Awam (*Public Forum*) melibatkan masyarakat secara umum dan semua pemegang taruh yang berkaitan dengan isu, tidak kira dari sektor awam atau swasta. Program berbentuk *Legal Forum 4U & Me* pula lebih dikhususkan kepada mahasiswa dan pensyarah undang-undang daripada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Pelaksanaan program-program ini telah berjaya dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi-agensi seperti jabatan-jabatan Kerajaan, persatuan-persatuan undang-undang serta insituti pendidikan tinggi. Sambutan yang diterima bagi setiap program juga amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 200 hingga 350 orang yang terdiri daripada ahli-ahli parlimen, penjawat awam, wakil sektor swasta seperti para peguam, badan-badan bukan Kerajaan, institusi pendidikan tinggi serta wakil-wakil masyarakat.

Program-program *engagement* yang telah diadakan adalah seperti berikut:

#### 3.3.1. Seminar Undang-Undang dan Masyarakat Kebangsaan 2015 bersama Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh : 25 April 2015 (Sabtu)  
Tempat : Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia  
Tema : *Engaging Youth In Asean Community: Readiness of Malaysia Lawyers*  
Perasmian oleh : YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Pengisian Program : Forum bertajuk *AEC for Youth and Education: Towards Legal Reform*

Ahli Panel –

- i. Cik Suganthy David, *Senior Case Counsel*, Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA);
- ii. Encik Yeoh Tung Seng, Timbalan Presiden, *National Young Lawyers Committee*;
- iii. Encik Fiqri Firdaus, Pengarah, Arthos Sdn. Bhd.; dan
- iv. YBhg. Prof. Dato' Rohimee Shapiee, Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (Moderator).



Ucapan Perasmian oleh YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.





Peserta Seminar Undang-Undang dan Masyarakat Kebangsaan 2015 di UKM.



(Dari kiri) YBhg. Prof. Dato' Rohimee Shapiee, Dekan Fakulti Undang-Undang UKM, YBhg. Prof. Dr. Imran Ho Abdullah, Timbalan Naib Canselor UKM, YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU dan Encik Amirul Firdaus Ridzwan, Ketua Projek NASCOM 2015.



YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bersama mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia.



### 3.3.2. Majlis Pelancaran *Legal Forum 4U & Me*

Tarikh	: 28 April 2015 (Selasa)
Tempat	: Dewan Harmoni, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Perasmian oleh	: YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Pengisian Program	: Forum bertajuk Pembaharuan Undang-Undang – Aspirasi dan Harapan

#### Ahli Panel –

- i. Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Penasihat Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA;
- ii. Profesor Gurdial Singh Nijar, Universiti Malaya;
- iii. Dato' Saifuddin Abdullah, CEO *Global Movement of Moderates*; dan
- iv. Abang Dato' Paduka Haji Ariffin bin Abang Haji Bohan, Peguambela dan Peguamcara dan selaku ahli JPUUM (Moderator).



Ucapan Perasmian oleh YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Barisan peserta forum.



Gimik Pelancaran.





Barisan panel.



### 3.3.3. Forum Awam JPUUM Siri 1

Tarikh	:	16 Mei 2015 (Sabtu)
Tempat	:	Dewan Santapan, Dewan Undangan Negeri Sarawak, Kuching
Perasmian oleh	:	YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Dengan Kerjasama:	:	i. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak iii. Pejabat Peguam Besar Negeri Sarawak iv. Biro Tatanegara Cawangan Sarawak v. Persatuan Peguambela Sarawak
Pengisian Program	:	Forum bertajuk <i>Formulating Harmony Bill: What Should Be In?</i>

#### Ahli Panel –

- i. Encik Talat Mahmood Abdul Rashid, Timbalan Peguam Besar Negeri Sarawak;
- ii. YBhg. Abang Dato' Paduka Haji Ariffin bin Abang Haji Bohan, Peguambela dan Peguamcara dan selaku ahli JPUUM;
- iii. Encik Leonard Shim, *President of Advocates' Association of Sarawak*; dan
- iv. Encik Gandesan Letchumanan, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Moderator).



Ucapan perasmian oleh YB.Puan Hajah Nancy Shukri Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Para peserta Forum Awam JPUUM Siri 1 yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.



(Dari Kiri) Encik Leonard Shim Reiden, YBhg. Abang Dato' Haji Ariffin bin Abang Haji Bohan, Encik Talat Mahmood Abdul Rashid dan Encik Gandesan Letchumanan, semasa sesi *Formulating Harmony Bill*.

### 3.3.4. Forum Awam JPUUM Siri 2

- Tarikh : 18 Ogos 2015 (Selasa)  
Tempat : Dewan Resital, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)  
Perasmian oleh : YB. Datuk Raymond Tan Shu Kiah, Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah  
Dengan Kerjasama:  
i. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah  
ii. Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah  
iii. Universiti Malaysia Sabah  
iv. Jabatan Insolvency Malaysia  
v. Jabatan Bantuan Guaman  
Pengisian Program : Forum bertajuk Perkara 20: Kedudukan Sabah Mengikut Perlembagaan Persekutuan  
Ahli Panel –  
i. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia;  
ii. YA. Datuk Mary @ Hajjah Mariati Robert, Peguam Besar Negeri Sabah;  
iii. Encik Sukumaran Vanugopal, Peguambela dan Peguamcara; dan  
iv. Encik Hisham Ampongou Abdullah, Penyelidik Undang-Undang.



Ucapan oleh YB. Puan Hajjah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.





Ucapan perasmian oleh YB. Datuk Raymond Tan Shu Kiah  
Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah.



Sidang Media.



(Dari Kiri) Encik Sukumaran Vanugopal dan YA. Datuk Mary @ Hajjah Mariati Robert, YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia dan Encik Hisham Ampongou Abdullah semasa sesi forum “Perkara 20: Kedudukan Sabah Mengikut Perlembagaan Persekutuan”.



### 3.3.5. *Legal Forum 4U & Me* – PEMUDA IV bersama Universiti Utara Malaysia

- Tarikh : 2 Oktober 2015 (Jumaat)  
Tempat : *Auditorium School of International Studies, Universiti Utara Malaysia (UUM)*  
Perasmian oleh : YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
Tema : *The Pursuit Of Digital Generation*  
Pengisian Program : Pembentangan Kertas –  
i. *Youth & Social Media: The Unseen Threat* oleh Dr. Zainal Amin Ayub, *Dean of School of Law, COLGIS UUM*; dan  
ii. *Cyberlaw on Pornography* oleh Asst. Prof. Dr. Sonny Zulhuda, Pensyarah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Forum bertajuk *Digital Generation: Cybercrime & Violation of Freedom of Expression*

Ahli Panel –

- i. YBrs. Dr. Hartini Saripan, Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA;
- ii. Puan Amar Kaur Jagjit Singh, Timbalan Pengarah, Jabatan Risikan Rangkaian, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia; dan
- iii. Encik Omar Kutty, Pelajar Undang-Undang UUM.



Ucapan YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia.



Ucapan Perasmian YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Gimik Pelancaran oleh YB. Puan Hajah Nancy Shukri,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



Sesi bergambar bersama YB. Puan Hajah Nancy Shukri,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri beramah mesra dengan pelajar UUM.



Sesi bergambar bersama YB. Puan Hajah Nancy Shukri.

#### **4. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]**

##### **4.1. Bengkel *Training of Trainers (ToT)* Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**

Bengkel *Training of Trainers (ToT)* ini adalah program yang diadakan khusus untuk melatih tenaga pengajar/ jurucakap/ penceramah untuk Akta 711. Pendekatan dalam penganjuran Bengkel ToT ini adalah berbeza daripada siri-siri Bengkel Akta 711 yang telah diadakan sebelum ini yang lebih bertujuan memperkenalkan pelaksanaan Akta. Selaras dengan usaha untuk memperluaskan pelaksanaan dan pemahaman terhadap Akta 711, maka terdapat keperluan supaya lebih banyak tenaga pengajar/ jurucakap/ penceramah dilatih di peringkat agensi-agensi penguatkuasaan bagi tujuan mempromosi serta memberikan penerangan berkaitan Akta 711 selain untuk mengisi kekurangan penceramah bagi Akta ini.

##### **4.1.1. Bengkel ToT Akta 711 Bil. 1 Tahun 2015.**

Bengkel ToT Bil. 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 14 hingga 16 April 2015 di *Swiss Garden Beach Resort*, Kuantan Pahang. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Norhaliza binti Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari 2 malam itu telah dihadiri oleh 32 orang peserta daripada tujuh (7) buah agensi penguatkuasaan utama Akta 711. Agensi penguatkuasaan yang terlibat adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP).





YBhg. Datin Noor Haliza binti Mohd Noor, bersama panel penceramah dan peserta Bengkel ToT Bil. 1 Tahun 2015.

#### **4.1.2. Bengkel ToT Akta 711 Bil. 2 Tahun 2015.**

Bengkel ToT Bil. 2 Tahun 2015 telah diadakan pada 25 Ogos 2015 di BHEUU. Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Laila Khalidah binti Ismail, Pengarah (Dasar) BHEUU. Bengkel yang berlangsung selama selama 1 hari itu telah dihadiri oleh 22 orang pegawai daripada PDRM, SPRM, JIM, JPJ, SC, SSM, SIAP dan wakil daripada BHEUU. Peserta bagi Bengkel ToT Bil.2 Tahun 2015 ini merupakan peserta-peserta yang telah menunjukkan potensi menyampaikan ceramah Akta 711 dengan baik semasa latihan yang dijalankan semasa Bengkel ToT Bil.1 Tahun 2015. Bengkel ToT Bil.2 Tahun 2015 memfokuskan kepada latihan praktikal dan kajian kes bagi memantapkan lagi teknik penyampaian dan pemahaman peserta.



Puan Laila Khalidah Ismail, Pengarah Seksyen Dasar, BHEUU merasmikan Bengkel ToT Bil. 2 Tahun 2015.



Sebahagian daripada peserta Bengkel ToT Bil. 2 Tahun 2015.

#### 4.1.3. Seminar Perbandingan Antara Akta Keterangan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]

BHEUU telah menganjurkan Seminar Perbandingan Antara Akta Keterangan Saksi 2009 [Akta 696] dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] pada 12 Mei 2015 bertempat di Dewan Harmoni, BHEUU. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Pembangunan) BHEUU. Seramai 207 orang peserta daripada BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia, sembilan (9) agensi penguatkuasaan utama dan Bahagian Perlindungan (BP) telah menghadiri seminar berkenaan. Akta 696 dan Akta 711 keduanya memperuntukkan perlindungan kepada mereka yang tampil memberi maklumat berkaitan apa-apa kejadian dan/atau perlakuan jenayah dan salah laku sama ada sebagai pemberi maklumat atau sebagai saksi. Namun, jenis perlindungan dan mekanisme pemberian perlindungan antara keduanya adalah berbeza. Melalui seminar ini peserta telah diberi penerangan mengenai peruntukan-peruntukan khusus di dalam Akta 696 dan Akta 711, jenis perlindungan yang diberikan dan mekanisme pelaksanaan yang terbabit, had atau ruang lingkup pemakaian akta serta perbezaan-perbezaan yang ada berhubung pemakaian kedua-dua akta. Seminar yang dilaksanakan dalam bentuk forum memberikan suasana yang lebih interaktif antara panel penceramah dan peserta-peserta yang hadir.



Ucapan perasmian oleh YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid.



(Dari kiri) Puan Shuhairoz Mohamed Shukeri, Puan Akhzailina Md Akhir dan Puan Aisyaf Falina Abdullah.



## 5. AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) merupakan pentadbir bagi Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 43 yayasan telah berjaya diperbadankan. Beberapa aktiviti telah dianjurkan oleh sekretariat seperti berikut:

### 5.1. Sesi Pertemuan Antara YBhg. Dato' Ketua Pengarah BHEUU, JPM dan Pemegang Amanah Yayasan



- (a) Sesi Pertemuan antara YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU, JPM (pada masa itu) dengan pemegang amanah bagi Yayasan Universiti Teknologi Petronas (YUTP), Yayasan *Canselor* Universiti Tenaga Nasional (YCUTN) dan Yayasan USM pada 16 Januari 2015.
- (b) Sesi Pertemuan antara YBhg. Dato' Ketua Pengarah BHEUU, JPM dengan pemegang amanah bagi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) pada 23 Julai 2015.
- (c) Sesi Pertemuan antara YBhg. Dato' Ketua Pengarah BHEUU, JPM dengan pemegang amanah bagi Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada 23 Julai 2015.
- (d) Sesi Pertemuan antara YBhg. Dato' Ketua Pengarah BHEUU, JPM dengan pemegang amanah bagi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) pada 24 Julai 2015.

## 5.2. Mesyuarat Penyediaan Peraturan-Peraturan Pemerbadanan Pemegang Amanah

Mesyuarat ini telah diadakan pada 30 November hingga 2 Disember 2015 di *Gold Coast Morib International Resort* bagi mengenal pasti isu-isu berbangkit berkaitan pemerbadanan pemegang amanah di bawah Akta 258 serta cadangan penambahbaikan pelaksanaan Akta 258 di masa hadapan.





## **SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT**

### **1. 1GovUC: MIGRASI BHEUU, MDI & JBG**

Perkhidmatan 1GovUC merupakan perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi seperti berikut:

- 1.1. E-mel,
- 1.2. Persidangan video dan audio,
- 1.3. *Instant messaging*,
- 1.4. Faks,
- 1.5. Sistem pesanan ringkas (SMS),
- 1.6. Sistem Pengurusan Identiti.

Perkhidmatan ini sebelumnya diuruskan secara dalaman oleh Agensi termasuk BHEUU dan setelah dimigrasi proses ini diuruskan secara berpusat di MAMPU dengan matlamat untuk menjamin kecekapan dan keselamatan urusan komunikasi kerajaan di samping mengoptimumkan kos pengurusan ICT.



Sebahagian perkhidmatan yang disediakan oleh 1GovUC.



Taklimat 1GovUC oleh pegawai daripada MAMPU,  
Tuan Hj. Mohd Puad Zainal Abidin.

Antara aktiviti yang dilaksanakan di peringkat awal migrasi adalah seperti Pengurusan Perubahan, Kajian Keperluan, Latihan Pentadbir dan Pengguna telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak pengurusan, teknikal dan pengguna di ketiga-tiga agensi.

Pelaksanaan migrasi ini telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya di ketiga-tiga agensi seperti berikut:

- i. 19 Mac 2015 - BHEUU
- ii. 21 April 2015 - Mdl
- iii. 16 April 2015 - JBG

Melalui migrasi ini, BHEUU, Mdl dan JBG sentiasa komited dalam menyokong inisiatif kerajaan dalam memantapkan kecekapan dan daya keberhasilan perkhidmatan.

## 2. HARI PEMBUDAYAAN ICT

Program Hari Pembudayaan ICT BHEUU bagi tahun 2015 dianjurkan seiring dengan Bulan Keselamatan ICT Sektor Awam yang diadakan pada setiap bulan Jun. Bagi tahun 2015, aktiviti yang dilaksanakan bagi program ini adalah dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke KRU Studio dan *KRU Academy* yang bertempat di Cyberjaya

Objektif lawatan ini adalah untuk melihat teknologi yang digunakan di dalam *industry creative* yang berkait rapat dengan teknologi ICT khususnya dalam bidang grafik dan multimedia.



Sebahagian daripada peserta lawatan.



Encik Norman Abd Halim, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KRU Studio menerima cenderamata daripada Pegawai BHEUU.



Sesi penerangan oleh Pegawai Perhubungan Awam KRU Studio kepada peserta lawatan.

### 3. PEMBANGUNAN SISTEM APLIKASI / PORTAL

Beberapa sistem aplikasi dan juga portal telah dibangunkan sepanjang tahun 2015. Antaranya ialah :

#### 3.1. Portal Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM)

Portal Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia (JPUUM) dibangunkan sebagai *one stop centre* untuk menyalurkan maklumat terkini yang memberi fokus kepada usaha pembaharuan undang-undang dalam memperlihatkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan dan suara rakyat.

Portal JPUUM juga menyediakan saluran kepada rakyat untuk memberi cadangan atau pertanyaan mengenai undang-undang untuk diperbaharui.



#### 3.2. Sistem Data Bank Mahkamah Malaysia

Data Bank Mahkamah Malaysia adalah sistem yang mengumpul dan menguruskan maklumat mahkamah di seluruh Malaysia. Antara maklumat mahkamah yang dikumpulkan di dalam sistem ini ialah bilangan mahkamah, jenis mahkamah, lokasi, kos pembangunan bagi setiap mahkamah.

Sistem ini mampu menjana laporan dan statistik yang tersusun untuk digunakan oleh Seksyen Pembangunan, BHEUU.

Sistem ini juga dapat membantu Seksyen Pembangunan, BHEUU dalam merangka pelan perancangan pembangunan Mahkamah baharu.



### 3.3. Sistem Log Latihan

Sistem Log Latihan yang dibangunkan secara dalaman ini adalah bertujuan bagi menggantikan penggunaan Buku Log Latihan. Sistem ini menyediakan fungsi pendaftaran kursus/latihan, sesi pembelajaran dan pembelajaran sendiri yang telah dihadiri oleh pegawai secara dalam talian.



### 3.4. INSIST

INSIST merupakan sistem bersepadu yang sedang dilaksanakan di Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) bagi menguruskan kes kebangkrutan dan likuidasi (penggulangan syarikat, pembatalan pertubuhan dan kesatuan sekerja) serta memberi perkhidmatan kepada pelanggan melalui Portal e-Insolvency.

- Modul Kebankrapan dan Modul Perakaunan bagi projek ini dibangunkan secara *in-house* dengan khidmat nasihat Pasukan Pakar Runding MAMPU.
- Modul Likuidasi dibangunkan secara *out-source* oleh pembekal.



YB. Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri melaksanakan pelancaran Sistem INSIST.



### 3.5. Portal e-Insolvensi

Portal e-Insolvensi adalah sistem yang dibangunkan untuk memberikan perkhidmatan Mdl secara atas talian yang merangkumi Notifikasi Awal, Carian Status Kebankrapan dan Penggulangan Syarikat serta Pembayaran Ansuran Bulanan melalui *JomPAY* dan Interbank GIRO (IBG).

Portal service ini telah mula beroperasi sejak 22 Mei 2015 dengan kadar bayaran RM10.00 bagi setiap carian Status Kebankrapan & Penggulangan Syarikat yang dibuat.

Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU, bersama Mdl telah mambangunkan portal tersebut secara dalaman bagi kedua-dua bayaran yang merupakan yang pertama bagi agensi kerajaan menggunakan kaedah seumpama ini.

Portal e-Insolvensi boleh dilayari menerusi URL: <https://e-Insolvensi.mdi.gov.my>

Portal ini juga boleh dicapai melalui portal Utama Mdl di URL: <http://www.mdi.gov.my> dengan memilih ikon e-Insolvensi pada tab Awam.



### 3.6. Sistem Semakan Tender dan Sebut Harga (SiTeS)

SiTeS dibangunkan bagi memudahkan pegawai penyelarasa tender dan sebut harga memantau, mengurus proses sesuatu tender. Sistem tersebut bermula daripada ia diiklankan sehingga selesai iaitu setelah surat setuju terima dikeluarkan. Sistem ini membolehkan pembekal membuat semakan secara atas talian melalui portal mengenai status terkini tender dan sebut harga yang berkaitan.



#### 4. PELAN STRATEGIK ICT (PSICT) 2016-2020

Pelan Strategik ICT (PSICT) adalah pelan atau *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di BHEUU bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2016 hingga 2020. Pembangunan PSTM 2016-2020 diperlukan bagi memastikan ia relevan dan seiring dengan Pelan Strategik BHEUU 2016-2020.

Pembangunan Pelan Strategik ini telah bermula pada bulan September 2015 dan akan diselesaikan pada bulan Mac 2016.

Tiga (3) fasa yang terlibat bagi pembangunan pelan strategik ini adalah:

- i. Fasa 1 - Analisis Persekitaran dan Analisis Jurang ICT
  - ii. Fasa 2 – Pembentukan Strategi ICT
  - iii. Fasa 3 – Perancangan Pelaksanaan Pelan Tindakan ICT
- 4.1. Beberapa mesyuarat dan bengkel telah dilaksanakan bagi memastikan pembangunan pelan ini berjalan seperti yang dirancang. Antaranya ialah :
- 4.1.1. Bengkel Kerja Analisis Persekitaran Bisnes dan ICT diadakan pada 24 hingga 26 November 2015.
  - 4.1.2. Bengkel Pelan Tindakan dan Anggaran Kos diadakan pada 10 hingga 12 Februari 2016.
  - 4.1.3. Bengkel Penulisan Dokumen diadakan pada 23 hingga 25 Mac 2016.



Sesi perbincangan bersama fasilitator.

#### 5. PELAN PEMULIHAN BENCANA (DRP)

Aktiviti Pengujian DRP merupakan salah satu aktiviti yang telah ditetapkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) kepada agensi yang telah terlibat dalam projek *Government Data Centre 2 - GDC2*.

Tujuan pengujian adalah untuk memastikan prosedur pemulihan bencana yang telah didokumenkan adalah sah dan boleh diguna pakai serta memastikan aplikasi-aplikasi kritikal BHEUU dapat diaktifkan di pusat pemulihan bencana di Petaling Jaya apabila bencana yang sebenar berlaku.



Perbincangan bersama wakil pusat pemulihan bencana.

Aktiviti pengujian simulasi bencana dijalankan Pihak MAMPU telah mengesahkan bahawa BHEUU merupakan agensi ke 3 dalam kalangan peserta GDC2 yang telah berjaya melaksanakan aktiviti pengujian secara *live*.

Antara aktiviti pengujian yang terlibat sewaktu simulasi bencana adalah :

- i. Aktiviti pengisytiharan bencana di BHEUU;
- ii. Pemakluman bencana kepada pihak MAMPU dan GITN;
- iii. Pergerakan pegawai ke Pusat Pemulihan Bencana di Petaling Jaya;
- iv. Pengaktifan Portal BHEUU dan Portal Mdl di Pusat Pemulihan Bencana; dan
- iv. Pengujian portal dan pengaktifan semula Portal BHEUU dan Portal Mdl di persekitaran *production* di *Data Centre* BHEUU.

## 6. PROGRAM KECEMERLANGAN DIRI DAN MOTIVASI

Program Kecemerlangan Diri dan Motivasi untuk warga Seksyen Pengurusan Maklumat (SPM) telah diadakan pada 6 hingga 8 November 2015 dengan dibantu oleh fasilitator daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan rangsangan positif kepada warga kerja SPM agar lebih komited, proaktif, responsif, kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan.



Fasilitator dari JPA bersama peserta Program Kecemerlangan Diri dan Motivasi.

Pelbagai elemen *team building* telah diolah bagi membentuk dan mewarnai program yang berlangsung selama 3 hari 2 malam ini yang melibatkan elemen *soft skill* dan juga *tough nation*.



Aktiviti *Tough Nation* yang menguji tahap ketahanan fizikal dan mental serta semangat kerja berpasukan dalam kalangan warga Seksyen Pengurusan Maklumat.



Aktiviti *soft skill* yang dijalankan melibatkan penghasilan idea kreatif dan semangat berpasukan yang tinggi.

## SEKSYEN KEWANGAN

Bajet Mengurus Tahun 2015 yang diluluskan untuk tiga Aktiviti di bawah program Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang adalah berjumlah RM124,981,400.00. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2015 [termasuk tempoh AKB] adalah RM121,717,379.58. (100%) daripada peruntukan dipinda RM121,717,379.58.

Bajet Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2015 adalah berjumlah RM82,868,065.00. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah RM37,781,943.87 (98.08%) berbanding peruntukan dipinda RM38,521,619.00. Keseluruhan perbelanjaan adalah untuk projek fizikal.

Sejumlah 1826 baucar tuntutan bayaran bernilai RM24,883,583.38 telah diluluskan daripada peruntukan Bajet Mengurus dan Bajet Pembangunan. Semua bil telah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.





## **SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

### **1. KEURUSETIAAN**

Beberapa Mesyuarat telah diadakan pada tahun 2015 seperti berikut:

- 1.1. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
- 1.2. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
- 1.3. Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
- 1.4. Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
- 1.5. Ketua-Ketua Jabatan
- 1.6. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- 1.7. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
- 1.8. Pengurusan
- 1.9. Lembaga Tatatertib
- 1.10. Jawatankuasa Keselamatan Jabatan
- 1.11. Mesyuarat Bersama Polis Bantuan
- 1.12. Pemandu Jabatan dan Pembantu Operasi
- 1.13. Perkhidmatan Kantin dan Katering
- 1.14. Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara Bangunan (JKR dan JRM)
- 1.15. Pemantapan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja

### **2. KURSUS DAN LATIHAN**

100% pegawai dan kakitangan BHEUU telah menghadiri kursus 7 hari setahun. Program Ceramah Keutuhan dan Latihan telah diadakan pada tahun 2015 seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>
1	Kursus <i>Microsoft Excel 2013</i>	5 Februari 2015
2	Ceramah Keutuhan "Transformasi Diri, Transformasi Prestasi"	12 Februari 2015
3	Ceramah Keutuhan "Kesedaran Keselamatan Kebakaran"	26 Februari 2015
4	Program Tayangan Video KIK BHEUU	9 Mac 2015
5	Taklimat Migrasi dan Latihan Emel 1GovUC	12 Mac 2015
6	Bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif	16 – 17 Mac 2015
7	Kursus Peningkatan Jati Diri Juruaudit Ekosistem Konduksif Sektor Awam (EKSA)	23 Mac 2015
8	Program Ceramah Keutuhan "Kerja Sebagai Satu Ibadah"	3 April 2015
9	Kursus <i>PhP Laravel Framework &amp; JQuery</i> bagi Pembangunan Sistem Data Mahkamah Secara <i>Hands-On</i>	14 – 16 April 2015 21 – 22 April 2015
10	Konvensyen KIK BHEUU	19 Mei 2015
11	Ceramah Integriti "Rasuah Meruntuhkan Negara"	11 Jun 2015
12	Ceramah Keutuhan "Ramadhan : Betul vs Salah"	26 Jun 2015
13	Ceramah Keutuhan "Mencungkil Integriti Diri Daripada Shahrul Ramadhan Al-Mubarak"	9 Julai 2015
14	Bengkel Pemantapan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja	28 – 30 Julai 2015
<b>BIL</b>	<b>PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>
15	Kursus Audit Dalam Sistem Pengurusan Kualiti	10 – 11 Ogos 2015
16	Seminar Imej Dan Penampilan Diri Oleh <i>Cutecarry</i>	28 Ogos 2015
17	Bengkel Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK)	15 September 2015
18	Ceramah Keutuhan "Komunikasi Efektif di Tempat Kerja"	29 September 2015
19	Ceramah Keutuhan	8 Oktober 2015


	“Tatacara Pelaksanaan Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Potongan Gaji Pegawai Awam Beragama Islam Di Wilayah Persekutuan”	
20	Ceramah Keutuhan “Seminar Kaunseling dan Pengurusan Kredit AKPK”	19 Oktober 2015
21	Ceramah Keutuhan “Samurai Siber – Adakah Anda Mangsa Seterusnya??”	20 Oktober 2015
22	Ceramah Keutuhan “Di Mana Bumi Dipijak Di Situ Langit Dijunjung”	29 Oktober 2015
23	Kursus Kecemerlangan Diri dan Motivasi Siri 1 ( <i>Team Building</i> )	6 – 8 November 2015
24	Kursus Tatacara Perolehan dan Penilaian Sebur Harga	18 – 19 November 2015
25	Kursus Kecemerlangan Diri dan Motivasi Siri 2 ( <i>Team Building</i> )	24 November 2015
26	Ceramah Keutuhan “Keluarga <i>Champion</i> , Keluarga Juara”	25 November 2015
27	Taklimat Pengendalian Dokumen Terperingkat dan Keselamatan Bangunan	30 November 2015
28	Ceramah Keutuhan “Pengurusan Kualiti”	1 Disember 2015
29	Kursus Keseronokan Bekerja	2 – 4 Disember 2015

### 3. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

3.1 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS dan sehingga Disember 2015. Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- 3.1.1. Submodul Rekod Peribadi : 100%
- 3.1.2. Submodul Profil Perkhidmatan : 100%
- 3.1.3. Submodul Perisytiharan Harta : 100%
- 3.1.4. Submodul SKT : 98.90%

#### 4. STATISTIK SUMBER MANUSIA



JENIS TUNTUTAN	BILANGAN
Bayaran Insentif Tugas Kewangan	13
Pindah Rumah	48
Perubatan	4
Tambang Mengunjungi Wilayah Asal	114
Cuti Tanpa Gaji	13
Cuti Separuh Gaji	9
Tanggung Kerja	193

**Carta : Jumlah urusan berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun yang telah diuruskan oleh Unit Sumber Manusia.**

#### 5. PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (Mdl)

- 5.1 BHEUU telah menguruskan 42 kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor iaitu 18 kontrak ruang pejabat Mdl, 13 kontrak ruang pejabat JBG dan 11 kontrak ruang stor Mdl mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 5.2 Pada tahun 2015, Kontrak Penyewaan Ruang Pejabat Mdl telah dilanjutkan di cawangan berikut:
  - Miri (Aras 11)
  - Miri (Aras 14)
  - Sandakan
  - Tawau
- 5.3 Penyewaan ruang stor Mdl telah dilanjutkan mengikut perjanjian pada tahun 2015.
- 5.4 Kontrak Penyewaan Ruang Pejabat JBG telah dilanjutkan di cawangan berikut:

- Wilayah Persekutuan
- Gua Musang
- Labuan
- Miri
- Sibu

## 6. PROGRAM INOVASI

### 6.1 PENGIKTIRAFAN BERKAITAN ISO & INOVASI

#### 6.1.1. Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2015

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2015 diadakan pada 29 September 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Joseph Entulu Anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Kumpulan KIK V@4 dari Seksyen Pembangunan, BHEUU dengan projek bertajuk 'Kesukaran Mencari Maklumat Tanah' telah menerima Anugerah Persembahan Paling Kreatif dalam Konvensyen KIK JPM pada 15 hingga 16 Jun 2015. Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan yang bertemakan 'Kecemerlangan Inovasi, Merentas Globalisasi ini, memberi tumpuan kepada usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi dan kecemerlangan dalam kalangan warga JPM.



YBhg. Datuk Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU dan En. Sahrin Amzah wakil Kumpulan V@4 menerima Anugerah Persembahan Paling Kreatif.

#### 6.1.2. Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri Tahun 2015



BHEUU telah menyertai Konvensyen KIK Peringkat Jabatan Perdana Menteri tahun 2015 yang diadakan di Malaysia *Agro Exposition Park* Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor dan disertai oleh Kumpulan V@4. Turut hadir bersama semasa pembentangan sebagai pemerhati ialah YBhg. Dato' Nursiah Arshad, Ketua Pengarah BHEUU ketika itu. BHEUU telah mengetengahkan projek bertajuk "Kesukaran Mencari Maklumat Tanah" dan berjaya mendapat Anugerah Persembahan Terbaik.



Kumpulan V@4 membuat pembentangan Kesukaran Mencari Maklumat Tanah.



YBhg. Datuk Mohd. Zuki bin Ali, Ketua Pengarah BHEUU bersama ahli Kumpulan V@4.



Lawatan YBhg. Datuk Seri Othman bin Haji Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM ke *booth* BHEUU.

### **6.1.3. Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-12 Tahun 2015**

Kumpulan V@4 dengan projek “Kesukaran Mencari Maklumat Tanah” telah menyertai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan Ke-12 Tahun 2015 yang diadakan di Menara Seri Wilayah Kementerian Wilayah Persekutuan. YBrs. Encik M Kamroldin Hitam, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU telah hadir bagi memberi sokongan kepada wakil BHEUU yang bertanding.



Kumpulan V@4 membuat pembentangan projek KIK.



YBrs. Encik M Kamroldin Hitam Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU, hadir memberi sokongan kepada kumpulan V@4.



Kumpulan V@4 dalam sesi VIVA.

## 6.2. AUDIT PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008 OLEH SIRIM

*SIRIM QAS International Sdn Bhd* telah menjalankan Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 di BHEUU pada 29 hingga 30 Oktober 2015. BHEUU telah berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2008. Kejayaan ini hasil daripada komitmen yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dengan siri pengauditan ini.



### 6.3. AUDIT PENSIJILAN PERSEKITARAN BERKUALITI AMALAN 5S

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menjalankan Audit Persijilan Amalan 5S pada 27 Januari 2015. Hasil daripada komitmen yang diberikan oleh semua pihak, BHEUU telah berjaya memenuhi keperluan pensijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S daripada MPC.



Mesyuarat Pembukaan Audit Persijilan Persekitaran Berkualiti Amalan 5S oleh Juru Audit MPC.



Juru Audit MPC membuat audit di Sudut 5S Sektor Medang.





Juru Audit MPC membuat Audit Kabinet Bergerak Fail di Sektor Balau

## **6.4. LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI**

### **6.4.1 BENGKEL KIK**

Bengkel KIK anjuran Unit Inovasi BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 16 hingga 7 Mac 2015. Seramai 44 orang peserta telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami keperluan KIK secara holistik supaya para peserta KIK dapat memantapkan kemahiran dalam mengenal pasti projek dan penyediaan dokumentasi KIK yang lebih berkualiti.



Peserta Bengkel KIK BHEUU dengan Encik Jayaselan a/l Navaratnam, penceramah jemputan



Penceramah Encik Jayaselan a/l Navaratnam memberi penerangan mengenai KIK.



Penceramah Encik Krishna Kumar a/l Perumah memberi penerangan mengenai KIK.

#### **6.4.2. Program Tayangan Video KIK BHEUU, JBG Dan Mdl bagi Tahun 2015**

Program Tayangan Video KIK BHEUU, JBG dan Mdl telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 3 Mac 2015. Seramai 46 orang peserta telah menghadiri program ini. Objektif program adalah untuk memberi pendedahan dan idea kepada semua kumpulan KIK BHEUU, JBG dan Mdl sebagai persediaan Konvensyen KIK BHEUU yang akan diadakan pada 21 April 2015.



Peserta Program Tayangan Video KIK BHEUU bagi tahun 2015 bersama urusetia.



Peserta program menyaksikan tayangan video mengenai pembentangan KIK daripada Kementerian / Jabatan lain.

#### **6.4.3. Kursus Peningkatan Diri Juruaudit Eksa Bheuu**

Kursus Peningkatan Diri Juru Audit EKSA BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 23 Mac 2015. Kursus ini telah dianjurkan oleh Unit Inovasi, BHEUU. Seramai 42 orang peserta BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Objektif bengkel ini adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di kalangan juru audit 5S BHEUU.



Peserta Kursus Peningkatan Diri Juruaudit EKSA BHEUU bersama penceramah, En. Muhammad Izzwa Shahril bin Idris.

#### **6.4.4. Ceramah Kursus Eksa**

Ceramah EKSA anjuran Unit Inovasi BHEUU bersama Unit Latihan BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, BHEUU pada 9 Disember 2015. Seramai 40 orang peserta BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Objektif ceramah ini adalah untuk memberi pendedahan, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta memahami EKSA dalam kalangan Jawatankuasa EKSA dan warga BHEUU.

#### **6.4.5. Ceramah Sistem Pengurusan Kualiti Bheuu**

Ceramah Sistem Pengurusan Kualiti anjuran Unit Inovasi BHEUU bersama Unit Latihan BHEUU telah diadakan di Dewan Harmoni, Aras 2, BHEUU pada 1 Disember 2015. Seramai 40 orang peserta BHEUU telah menghadiri bengkel ini. Objektif ceramah ini adalah untuk pendedahan, meningkatkan kemahiran dan



pengetahuan serta memahami Sistem Pengurusan Kualiti di kalangan Jawatankuasa MS ISO dan warga BHEUU.



En. Sanjay a/l S. Dharmalingam meminta peserta menerangkan mengenai Sistem Pengurusan Kualiti BHEUU.



Peserta Ceramah Sistem Pengurusan Kualiti BHEUU.  
bersama En. Sanjay a/l S. Dharmalingam.

## **7. HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA**



Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2015. Sebanyak 7 usul telah dikemukakan untuk tindakan CUEPACS dan 8 usul telah dikemukakan untuk tindakan pihak majikan. Salah satu aktiviti yang telah diadakan atas saranan wakil pekerja adalah Pemeriksaan Kesihatan Percuma di BHEUU.



Pemeriksaan Kesihatan Percuma pada 20 Mac 2015.

## **8. PUSAT SUMBER**

**8.1.** Sepanjang tahun 2015, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta cintai ilmu di kalangan warga BHEUU, JBG dan Mdl.

**8.2.** Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

### **8.2.1. Jaja Buku**

Aktiviti ini telah diadakan sebanyak 6 kali setahun dan 335 judul buku telah dipinjam sepanjang Program Jaja Buku diadakan.

Program Jaja Buku ini berkonsepkan perpustakaan bergerak iaitu buku-buku dibawa oleh pustakawan ke meja warga BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke perpustakaan.

### **8.2.2. Pameran dan Jualan Buku**

Pembekal buku telah menyertai pameran dan jualan buku di BHEUU. Bahan-bahan bacaan yang dipamer dan dijual meliputi buku kanak-kanak, keagamaan, bacaan umum, novel dan majalah.



Pameran dan jualan buku di BHEUU.

### 8.2.3. Pameran Bulan Bahasa Kebangsaan 2015

Pada 29 Oktober 2015, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan Pameran Tokoh-tokoh Bahasa sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang disambut pada setiap bulan Oktober setiap tahun. Pameran ini bertujuan untuk memberi input dan menambah ilmu warga BHEUU, JBG dan Mdl berkaitan tokoh bahasa dan sejarah perkembangan bahasa di Malaysia.



Warga BHEUU menghayati bahan pameran.

#### 8.2.4. Promosi dan Pendaftaran Ahli *u-Pustaka* oleh Perpustakaan Negara Malaysia

Pada 29 Oktober 2015, Pusat Sumber BHEUU telah menjemput wakil Perpustakaan Negara Malaysia untuk mengadakan promosi dan pendaftaran ahli *u-Pustaka*. *u-Pustaka* adalah perkhidmatan dalam talian yang boleh diakses melalui [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my). Ahli *u-Pustaka* layak membuat carian dan pinjaman buku meliputi koleksi dari laman perpustakaan konsortium *u-Pustaka*. Pengguna boleh meminjam buku tanpa ke perpustakaan menerusi perkhidmatan penghantaran buku terus ke rumah/pejabat melalui Pos Laju. Seramai 92 orang warga BHEUU, JBG dan Mdl telah mendaftar sebagai ahli *u-Pustaka*.



Sesi pendaftaran ahli *u-Pustaka*.

### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Unit Komunikasi Korporat dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan publisiti, dokumenstasi gambar, promosi dan menyebarkan maklumat aktiviti jabatan kepada orang awam.

#### **1. FUNGSI UKK**

- 1.1. Merancang dan menyelaras plan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU agar program dan aktiviti mendapat liputan oleh media massa;
- 1.2. Mengurus dan menyelaras bahan penerbitan BHEUU seperti Laporan Tahunan, Buletin BHEUU dan lain-lain penerbitan bagi tujuan mempromosi jabatan;

- 1.3. Memantau dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara berwibawa bagi meningkatkan imej korporat;
- 1.4. Menyelaras dan menjawab maklum balas dan aduan dengan cekap dan efisien;
- 1.5. Menyelaras maklumat BHEUU untuk dikemaskini di Portal/Intranet/i-Board;
- 1.6. Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video/CD/penulisan/foto; dan
- 1.7. Menyelaras lawatan rasmi ke BHEUU

## 2. SENARAI AKTIVITI UKK SEPANJANG TAHUN 2015

<b>Bil</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Bulan</b>
1	Penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU	28 Julai 2015
2	Lawatan Ke Agensi Media (TV3)	13 Oktober 2015
3	Kajian Kepuasan Pelanggan	15 Oktober - 15 November 2015
4	Pertandingan Berbalas Pantun	25 November 2015
6	Mengemaskini Aktiviti di Portal BHEUU, Facebook ,I-bord dan Intranet	Sepanjang tahun
7	Laporan Keratan Akhbar Harian	Sepanjang tahun
8	Rakaman Video aktiviti BHEUU	Sepanjang tahun
9	Mendokumentasikan Gambar	Sepanjang tahun
10	Memberi maklum balas untuk Aduan dan Pertanyaan	Sepanjang tahun

## 3. Aktiviti Sepanjang Tahun 2015.



Rakaman video ucapan hari raya bersama YB. Hajah Nancy Shukri Menteri.



Perhimpunan bersama YB. Hajah Nancy Shukri Menteri.





Pertandingan Berbalas Pantun Sempena Program Bulan Bahasa Kebangsaan 2015.



Perhimpunan Bulanan Bersama Warga BHEUU, JBG & Mdl.



Lawatan ke TV3.

## **LAPORAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KSK BHEUU)**

### **Pengenalan**

KSK BHEUU ditubuhkan bagi memberi kemudahan kegiatan bersukan, kebudayaan dan menjaga kebajikan ahli yang berdaftar. Di samping itu, melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli yang terdiri dari kakitangan BHEUU, JBG dan Mdl.

### **1. Ahli Jawatankuasa Tadbir KSK BHEUU Sesi 2014-2015**

<b>Jawatan</b>	<b>Nama</b>
Pengerusi	<b>YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali</b> (mulai Ogos 2015)  <b>YBhg. Dato' Nursiah binti Arshad</b> (bersara pada Ogos 2015)
Timbalan Pengerusi	<b>YBhg. Dato' Mat Aron bin Deraman</b> (dilantik pada Jun 2014)
Naib Pengerusi I	<b>Encik Asri bin Pilus</b>
Naib Pengerusi II	<b>- kosong -</b>  <b>Encik Mohd Azmi bin Mohd Hassan</b> (bertukar keluar pada Jun 2015 )
Setiausaha	<b>Encik Bahrunnizam bin Abd. Kadir</b>
Bendahari	<b>Puan Siti Aishah binti Yahaya</b> (dilantik pada Februari 2015)  <b>Puan Nor Idayu binti Ahmad Shukri</b> (melepaskan jawatan pada Januari 2015)
Ketua Biro Sukan	<b>Encik Ahmad Fakaruddin bin Wan Mohamed</b>
Ketua Biro Kebajikan	<b>Puan Siti Azura binti Ismail</b>
Ketua Biro Agama	<b>Encik Mohd Shaihin bin Md. Sarif</b>
Ketua Biro Ekonomi	<b>Encik Akhmal bin Abu Basar</b> (bertukar keluar pada Oktober 2015)
Ketua Biro Sosial & Rekreasi	<b>Encik Mohd Azmi bin Mohd Hassan</b> (Jun 2014- September 2014)

Biro Pembangunan  
Diri

**Encik Yusmizal bin Md. Yusof**  
(bertukar keluar pada Ogos 2014)

Biro Penerbitan &  
Publisiti

**Encik Zakaria bin Ismail**

## 2. Program dan Aktiviti KSK BHEUU 2015

Aktiviti/Program	Tarikh
Program Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir	5 – 7 Januari 2015
Tazkirah Pagi	Setiap pagi (hari bekerja)
Majlis Bacaan Yasin	Jumaat minggu pertama setiap bulan
Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Kali Ke-27	26 Mac 2015
Mini Karnival Sukan 2015	Mulai 27 April – 16 Mei 2015 (waktu rehat)
KSK BHEUU <i>Amazing Race</i> 2015	5 September 2015
Pertandingan Paintball KSK BHEUU 2015	12 Disember 2015
Senamrobik	2 minggu sekali
<b>Lawatan Sosial ke:</b>	
i. Kilang Kerepek Fazz Enterprise	1 Julai 2015
ii. Kilang Roti Gardenia	29 Disember 2015
iii. Lawatan ke Kellie's Castle Batu Gajah, Perak	8 Mac 2015

## PUSPANITA

### 1. AKTIVITI PUSPANITA BHEUU 2015



Ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU.



Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU  
5 Mac 2015.





Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Tertinggi PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU  
9 Julai 2015.



Penyampaian cenderahati kepada wakil Penjara Kajang.





Lawatan Sambil Belajar ke Penjara Kajang  
21 Mei 2015.



Penyerahan Kutipan Derma PUSPANITA Cawangan Kecil BHEUU  
Kepada Mangsa Gempa Bumi di Sabah pada 9 Julai 2015.



Gerai PUSPANITA BHEUU sempena Sambutan Hari Raya BHEUU pada 3 Ogos 2015.



Program Solat Sunat Tasbih pada 30 Jun 2015 oleh Ustazah Hariati binti Mohd Khaer.



Majlis Bacaan Yasiin dan Doa Selamat yang telah diadakan pada 6 November dan 4 Disember 2015.





YBrs. Dr. Nor Mazny Abdul Majid bersama ahli PUSPANITA yang hadir dalam Majlis Makan Malam Semarak Kasih Sehati Sejiwa anjuran PUSPANITA JPM, 13 November 2015 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia.



Majlis Makan Malam Semarak Kasih Sehati Sejiwa bersama penyanyi popular Nassier Wahab.



Majlis Makan Malam Semarak Kasih Sehati Sejiwa.



## JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)

### 1. PENGURUSAN TERTINGGI

### 2. CARTA ORGANISASI

### 3. PROFIL KORPORAT

- 3.1. LATAR BELAKANG
- 3.2. FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA
- 3.3. *STAKE HOLDER* JBG
- 3.4. PELANGGAN JBG

### 4. HALA TUJU STRATEGIK

- 4.1. VISI
- 4.2. MISI
- 4.3. NILAI TERAS BERSAMA

### 5. PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

- 5.1. KPI TAHUN 2015
- 5.2. PENCAPAIAN KPI TAHUN 2015
- 5.3. STATISTIK KHIDMAT NASIHAT
- 5.4. STATISTIK PENDAFTARAN KES LITIGASI
- 5.5. STATISTIK PENDAFTARAN PENGANTARAAN
- 5.6. STATISTIK PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT
- 5.7. STATISTIK PENGUNJUNG PROGRAM

### 6. BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- 6.1. PENGURUSAN CUTI
- 6.2. PENGURUSAN KEMUDAHAN DAN ELAUN
- 6.3. PENGURUSAN KEWANGAN
- 6.4. LATIHAN KERJAYA
- 6.5. NAZIRAN IBU PEJABAT
- 6.6. KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

### 7. BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN DASAR

- 7.1. LAWATAN KAJIAN PENYELIDIKAN UNDANG-UNDANG KE LEGAL AID NEW SOUTH WALES, AUSTRALIA

### 8. PROGRAM DAN AKTIVITI JBG SEPANJANG 2015

## 1. PENGURUSAN TERTINGGI

---



**PUAN SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED**  
KETUA PENGARAH JBG  
16 Nov 2009 – 15 Nov 2015



**DATUK HAINI BINTI HASSAN**  
KETUA PENGARAH JBG  
Mulai 16 Nov 2015




**PUAN ASLINA BINTI JONED  
ZABIDI**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (SIVIL)



**PUAN NOOR HADINA BINTI AHMAD**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (SYARIAH)

## 2. CARTA ORGANISAS

### CARTA ORGANISASI JABATAN BANTUAN GUAMAN MALAYSIA



---

## 3. PROFIL KORPORAT

---

### 3.1. Latar Belakang

Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah ditubuhkan pada 15 September 1970 di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26). Pada peringkat awal penubuhannya, JBG memberi keutamaan kepada kes-kes kekeluargaan kerana kes-kes tersebut adalah peratusan terbesar yang memerlukan bantuan guaman dengan segera. Bidangkuasa JBG adalah meliputi pengendalian kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Sivil dan Syariah, di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan (sivil dan Syariah) di seluruh negara berkaitan kes penceraian, nafkah anak dan isteri, hak penjagaan anak bagi orang-orang Islam dan bukan Islam, mengikut undang-undang Syariah dan sivil.

### 3.2. Fungsi dan aktiviti utama



Memberi nasihat guaman dalam semua perkara undang-undang



Mewakili atau memberi bantuan guaman di mahkamah (sivil dan Syariah) dalam semua prosiding sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Bantuan Guaman 1971



Memberi khidmat pengantaraan



Memberi penerangan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat

### 3.3. Stake Holder JBG



### 3.4. Pelanggan JBG





## 4. HALA TUJU STRATEGIK

---

### 4.1. VISI

**Peneraju Bantuan Guaman Yang Terunggul di Malaysia Pada Tahun 2018**

Sejajar dengan gelaran sebagai firma guaman terbesar di Malaysia dengan 22 Cawangan di seluruh negara, JBG bermatlamat untuk menjadi peneraju bantuan guaman yang terunggul di Malaysia pada tahun 2018.

### 4.2. MISI

**Menerajui Perkhidmatan Bantuan Guaman Secara Profesional kepada Masyarakat yang Berkelayakan bagi Menjamin Akses kepada Keadilan Melalui Proses Perundangan**

Perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan kepada golongan sasaran adalah berteraskan prinsip profesionalisme bagi memastikan keadilan dapat diperoleh melalui proses perundangan.

### 4.3. NILAI TERAS BERSAMA WARGA JBG



## 5. PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

### 5.1. KPI TAHUN 2015

<b>KPI MENTERI</b>	• MEMBERIKAN 44,000 KHIDMAT NASIHAT KEPADA PELANGGAN
<b>KPI LITIGASI</b>	• MENDAFTARKAN 18,500 KES LITIGASI
<b>KPI PENGANTARAAN</b>	• MENDAFTARKAN 6,300 PENGANTARAAN
<b>KPI PROMOSI</b>	• MENGADAKAN 2,250 PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT
<b>KPI PROMOSI</b>	• MEMASTIKAN 28,000 PENGUNJUNG MENGUNJUNGI PROGRAM JBG

### 5.2. PENCAPAIAN KPI


TAHUN 2015

AKTIVITI KPI 2015	SASARAN KPI 2015		PENCAPAIAN KPI 2015	
	JUMLAH	PERATUSAN	JUMLAH	PERATUSAN
44,000 KHIDMAT NASIHAT (KPI MENTERI)	44,000	100%	51,478	117%
18,500 PENDAFTARAN KES LITIGASI	18,500	100%	19,287	104%
6,300 PENDAFTARAN PENGANTARAAN	6,300	100%	6,610	105%
2,250 PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT	2,250	100%	2,750	122%
28,000 PENGUNJUNG PROGRAM	28,000	100%	39,248	140%

### 5.3. STATISTIK KHIDMAT NASIHAT


(i) Khidmat nasihat Sivill

Rajah 1: Perbandingan Khidmat Nasihat Sivill bagi Tahun 2014 dan 2015




Khidmat nasihat sivill mengikut cawangan menunjukkan peningkatan bagi 15 cawangan. Cawangan yang mencatatkan pencapaian jumlah khidmat nasihat tertinggi berbanding cawangan lain bagi tahun 2015 adalah JBG Johor yang mencatatkan jumlah khidmat nasihat sebanyak 2,233. JBG Gua Musang pula mencatatkan jumlah khidmat nasihat terendah bagi tahun 2015 iaitu sebanyak 60 khidmat nasihat.

Rajah 2: Peratusan Khidmat Nasihat Sivil Mengikut Jenis Kes Dalam Bidang Kuasa



Jumlah khidmat nasihat kes sivil dalam bidang kuasa JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 ialah sebanyak 13,480. Rekod menunjukkan khidmat nasihat berkaitan kes perceraian mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 62.6% (8,440) diikuti jagaan 30% (776), nafkah 5% (730), kemalangan 4% (498) dan harta pusaka kecil 3% (427). Khidmat nasihat mengenai kes di bawah penanaman padi merupakan kes jumlah terendah yang dicatatkan iaitu 0.02% (3) kes.

Rajah 3: Peratusan Khidmat Nasihat Sivil Mengikut Jenis Kes Luar Bidang Kuasa Bagi Tahun 2015




Jumlah khidmat nasihat bagi kes sivil luar bidang kuasa JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 mencatatkan sebanyak 4,112 khidmat nasihat. Cawangan yang mencatatkan bilangan tertinggi khidmat nasihat kes sivil luar bidang kuasa ialah JBG WP Kuala Lumpur dengan 511 khidmat nasihat, diikuti oleh JBG Johor dengan 502 khidmat nasihat, JBG kedah dengan 361 khidmat nasihat, JBG Selangor dengan 316 khidmat nasihat, JBG Kelantan dengan 277 khidmat nasihat dan JBG Melaka dengan 242 khidmat nasihat. JBG Taiping mencatatkan bilangan khidmat nasihat sivil luar bidang kuasa terendah dengan 27 khidmat nasihat.




(ii) Khidmat nasihat jenayah

Rajah 4: Perbandingan Khidmat Nasihat Jenayah bagi Tahun 2014 Dan 2015




Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes jenayah JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 adalah sebanyak 6,272 khidmat nasihat. Terdapat peningkatan khidmat nasihat sebanyak 2,001 khidmat nasihat berbanding tahun 2014. Khidmat nasihat jenayah mengikut cawangan menunjukkan peningkatan bagi 15 cawangan.

Rajah 5: Peratusan Khidmat Nasihat Jenayah Mengikut Jenis Kes Dalam Bidang Kuasa Bagi Tahun 2015



Jumlah khidmat nasihat kes jenayah dalam bidang kuasa JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 ialah 4,502 khidmat nasihat.


Rajah 6: Peratusan Khidmat Nasihat Jenayah Mengikut Jenis Kes Luar Bidang Kuasa Bagi Tahun 2015



Jumlah khidmat nasihat bagi kes jenayah luar bidang kuasa JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 mencatatkan 1,140 khidmat nasihat.


(iii) Khidmat nasihat Syariah

Rajah 7: Statistik Perbandingan Khidmat Nasihat Syariah Bagi Tahun 2014 Dan 2015




Secara keseluruhannya, jumlah khidmat nasihat kes Syariah JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 adalah sebanyak **27,614** berbanding **23,100** pada tahun 2014 iaitu **peningkatan sebanyak 19.9%** (4,514).

Rajah 8: Khidmat Nasihat Kes Syariah Bagi Tahun 2015 Mengikut Jenis Kes (Dalam Bidang Kuasa)



Jumlah keseluruhan khidmat nasihat Syariah bagi kes dalam bidang kuasa JBG bagi tahun 2015 adalah sebanyak 26,867.

Rajah 9: Statistik Khidmat Nasihat Syariah Mengikut Jenis Kes (Luar Bidang Kuasa)




Jumlah keseluruhan khidmat nasihat bagi kes Syariah luar bidang kuasa JBG bagi tahun 2015 mencatatkan jumlah sebanyak 747 khidmat nasihat.

#### 5.4. STATISTIK PENDAFTARAN KES LITIGASI

##### (i) Kes litigasi Sivil




Rajah 10: Perbandingan Statistik Pendaftaran Kes Sivil Bagi Bulan tahun 2014 dan 2015



Secara keseluruhannya, statistik pendaftaran kes sivil bagi tahun 2015 meningkat kepada 5,953 kes berbanding tahun 2014 yang hanya mencatatkan 5,765 kes.


Rajah 11: Peratusan Pendaftaran Kes Sivil Bagi Tahun 2015



Peratusan pendaftaran kes sivil JBG seluruh Malaysia bagi tahun 2015 mengikut jenis kes menunjukkan kes cerai mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 52.89% (3,149) kes, diikuti kes jagaan 24.7% (1,475) kes dan nafkah 12.69% (756) kes. Kes sivil paling rendah didaftarkan di JBG seluruh Malaysia ialah kes kuat kuasa aset perkahwinan dengan hanya 2 kes didaftarkan.


(ii) Kes litigasi jenayah

Rajah 12: Perbandingan Jumlah Pendaftaran Kes Jenayah Bagi tahun 2014 Dan 2015




Statistik pendaftaran kes jenayah bagi tahun 2015 meningkat iaitu sebanyak 3,943 kes berbanding tahun 2014 yang hanya mencatatkan 563 kes.

Rajah 13: Peratusan Pendaftaran Kes Jenayah Mengikut Jenis Kes




(iii) Kes litigasi Syariah

Rajah 14: Perbandingan Pendaftaran Kes Syariah Bagi Tahun 2014 dan 2015



Secara keseluruhannya, jumlah pendaftaran kes Syariah bagi tahun 2015 adalah sebanyak **9,387 kes**, meningkat sebanyak **4.8% (428 kes)** berbanding **8,959 kes** bagi pada tahun 2014.

Rajah 15: Peratusan Pendaftaran Mengikut Jenis Kes






